

KERTAS 1: Pemahaman

Baca cerpen di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Menurut Sidek, beratus-ratus ekor haiwan itu menyertai setiap satu serangan. Berdasarkan cerita salah seorang pembalak yang terselamat, pada hari yang sebelumnya, sebatang balak menimpa sarang makhluk itu. Biarpun tidak *cedera teruk*, keluarga haiwan itu terperangkap. Namun, entah apa-apa alasannya, mandur kem balak menetak mati kesemua yang terperangkap itu. Tindakannya itulah yang menjerut manusia lain dengan hukuman mati.

“Qadqad ... qraakkk!”

Bunyi itu tiba-tiba kedengaran dari arah laluan kereta api. Sejurus kemudian, deru loncatan tinggi muncul dari hutan, mengiringi objek-objek bagai bola bertanduk yang terbang laju. Kawasan itu seolah-olah diserbu lingkaran reben gergasi hijau kuning yang diliukkan angin.

Dipetik daripada cerpen “Talía dan Raksasa Qadqad”,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia

rangkai kata *cedera teruk*

punca Qadqad menyerang manusia

1 Berdasarkan petikan, rangkai kata *cedera teruk* membawa maksud

- A sakit tenat.
- B luka ringan.
- C luka parah.
- D sakit ringan.

2 Menurut Sidek, beratus-ratus ekor haiwan itu menyertai setiap satu serangan.

Apakah kata-kata hikmat yang sesuai bagi pernyataan di atas?

- A Hidup ini suatu perlumbaan
- B Muafakat membawa berkat
- C Bertangguh itu pencuri masa
- D Kata mesti dikota, janji mesti ditepati

3 Namun, entah apa-apa alasannya, mandur kem balak menetak mati kesemua yang terperangkap itu.

Nyatakan pengajaran yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Kita hendaklah tolong-menolong sesama manusia.
- B Kita hendaklah tabah ketika menghadapi dugaan.
- C Kita hendaklah menghargai kasih sayang anggota keluarga kita.
- D Kita hendaklah bersimpati terhadap semua makhluk di sekeliling kita.

4 Mengapakah Qadqad menyerang manusia?

- A Pembalak menangkap Qadqad.
- B Penduduk mencederakan Qadqad.
- C Pembalak memusnahkan habitat Qadqad.
- D Mandur kem membunuh keluarga Qadqad yang terperangkap.

5 Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang petikan?

- A Qadqad mampu melompat tinggi.
- B Qadqad menyerang penduduk kampung.
- C Mandur kem balak telah dibunuh oleh Qadqad.
- D Pembalak telah menyelamatkan keluarga Qadqad.